NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#26

8 Ogos 2024 – 14 Ogos 2024

PENULIS NEXUS
KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**nexus**

ISI KANDUNGAN

Persempadanan: Ikut Pemerintah atau SPR? 2
Strategi Pelaburan Domestik Malaysia 6
Perkasa KIAR di Pusat Pendidikan TVET 10
Industri Getah Perlu Suntikan Untuk Berdaya Saing 12
Risiko Gempa Bumi Mega Jepun 14
Larangan Komik Superman Hew Dibatalkan 16

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Persempadanan: Ikut Pemerintah atau SPR?

- Proses Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya boleh dimulakan tidak kurang daripada tempoh selang 8 tahun daripada tarikh siap urusan Kajian Semula Persempadanan sebelumnya.
- Selain daripada itu, ianya boleh dijalankan jika ada pindaan terhadap undang-undang samada Perlembagaan Persekutuan atau Undang-Undang Tubuh Negeri, untuk menambah atau mengurangkan bilangan kerusi dewan. Pembentukan wilayah baharu juga membolehkan kajian kajian persempadanan dilakukan.
- Kali terakhir, urusan persempadanan dilakukan pada 2003, dan ia telah digunakan dalam tiga pilihan raya umum iaitu pada 2004, 2008 dan 2013. Manakala kali terakhir persempadanan yang berlaku di negeri-negeri majoriti Melayu seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah adalah pada tahun 1984 dan 1994.



STATISTIK PERTAMBAHAN BILANGAN BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN NEGERI MENGIKUT TAHUN URUSAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN

	KSP KALI PERTAMA (ASAS)		KSP KALI KEDUA				KSP KALI KETIGA				KSP KALI KEEMPAT				KSP KALI KELIMA				KSP KALI KEENAM			
	1958: TANAH MELAYU 1966: SABAH 1968: SARAWAK		1974: TANAH MELAYU & SABAH 1977: SARAWAK				1984: TANAH MELAYU & SABAH 1987: SARAWAK				1994: TANAH MELAYU & SABAH 1996: SARAWAK				2001: W.P. PUTRAJAYA 2003: TANAH MELAYU & SABAH 2005: SARAWAK				2015: SARAWAK 2017: SABAH 2018: TANAH MELAYU			
NEGERI	PAR	DUN	PAR		DUN		PAR		DUN		PAR		DUN		PAR		DUN		PAR		DUN	
			+	JUM.	+	JUM.	+	JUM.	+	JUM.	+	JUM.	+	JUM.	+	JUM.	+	JUM.	+	JUM.	+	JUM.
PERLIS	2	12	-	2	-	12	-	2	2	14	1	3	1	15	-	3	-	15	-	3	-	15
KEDAH	12	24	1	13	2	26	1	14	2	28	1	15	8	36	-	15	-	36	-	15	-	36
KELANTAN	10	30	2	12	6	36	1	13	3	39	1	14	4	43	-	14	2	45	-	14	-	45
TERENGGANU	6	24	1	7	4	28	1	8	4	32	-	8	-	32	-	8	-	32	-	8	-	32
PULAU PINANG	8	24	1	9	3	27	2	11	6	33	-	11	-	33	2	13	7	40	-	13	-	40
PERAK	20	40	1	21	2	42	2	23	4	46	-	23	6	52	1	24	7	59	-	24	-	59
PAHANG	6	24	2	8	8	32	2	10	1	33	1	11	5	38	3	14	4	42	-	14	-	42
SELANGOR	14	28	-3	11	5	33	3	14	9	42	3	17	6	48	5	22	8	56	-	22	-	56
W.P. KUALA LUMPUR	-	-	5	5	-	-	2	7	-	-	3	10	-	-	1	11	-	-	-	11	-	-
W.P. PUTRAJAYA	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	-	-	-	1	-	-
NEGERI SEMBILAN	6	24	-	6	-	24	1	7	4	28	-	7	4	32	1	8	4	36	-	8	-	36
MELAKA	4	20	-	4	-	20	1	5	-	20	-	5	5	25	1	6	3	28	-	6	-	28
JOHOR	16	32	-	16	-	32	2	18	4	36	2	20	4	40	6	26	16	56	-	26	-	56
W.P. LABUAN	-	-	-	-	-	-	1	1	-	-	-	1	-	-	-	1	-	-	-	1	-	-
JUMLAH (TANAH MELAYU)	104	282	10	114	30	312	19	133	39	351	12	145	43	394	21	166	51	445	-	166	-	445
SABAH	16	32	-	16	16	48	4	20	-	48	-	20	-	48	5	25	12	60	-	25	13	73
SARAWAK	24	48	-	24	-	48	3	27	8	56	1	28	6	62	3	31	9	71	-	31	11	82
JUMLAH KESELURUHAN	144	362	10	154	46	408	26	180	47	455	13	193	49	504	29	222	72	576	-	222	24	600

Note : PAR - PARLIMEN
DUN - DEWAN UNDANGAN NEGERI
KSP - KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN
*Dikemaskini hingga 2 Oktober 2019

Disediakan oleh:
BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN ANALISIS DATA SPR

- Kajian persempadanan kali ini dilihat tidak dapat dielakkan lagi seperti yang ditegaskan oleh Profesor Madya Dr Mazlan Ali. Beliau berkata, ini susulan berlaku pertambahan mendadak jumlah pengundi di kawasan Parlimen tertentu akibat dari pelaksanaan undi-18 dan pendaftaran pemilih secara automatik. Antara kawasan parlimen yang mencatatkan pertambahan pengundi paling ramai pada PRU15 lalu ialah Bangi dengan 124,640 individu diikuti Kota Raja (95,691) dan Subang (84,518).

- Melihat kepada keadaan semasa dan juga manifesto Pakatan Harapan yang berjanji akan mengatasi isu ketidakseimbangan (malapportionment) saiz pengundi di kawasan-kawasan pilihanraya di Malaysia, adalah dijangkakan Pakatan Harapan khususnya DAP pasti tidak akan melepaskan peluang keemasan ini.

- Ditambah dengan majoriti yang dimiliki kerajaan dan juga terkenal dengan sikap "abang besar"nya, DAP akan mendesak untuk dilakukan persempadanan semula yang menguntungkan parti itu untuk menambah bilangan kerusi selamat dan memperkukuh kedudukan mereka dalam kerajaan.

- Mereka bersungguh untuk melakukannya kerana DAP telah belajar dari keputusan Pilihan Raya Umum ke-15 dan Pilihan Raya 6 Negeri. Keputusan PRU dan PRN menunjukkan polarisasi sokongan pengundi mengikut kaum, demografi pengundi mengikut bangsa dan wilayah, bilangan majoriti undi yang dimenangi oleh setiap gabungan parti dan ketidakesimbangan pengundi di setiap kawasan pilihan raya.

- Menggunakan alasan had sisihan sebanyak 30% daripada purata saiz populasi pengundi yang selaras dengan amalan persempadanan semula kawasan pilihanraya sebelum ini, DAP akan berusaha untuk menjadikan kawasan yang berpotensi menang bagi mereka sebagai keutamaan untuk dilakukan persempadanan semula.

- Ia sangat merisaukan kerana strategi bagi menjadikan usaha persempadanan versi Pakatan Harapan amat berisiko kepada keharmonian Malaysia, kepentingan agama Islam, dan masa depan penduduk pribumi.
- Harus diingat, persempadanan semula ini tidak hanya melibatkan penambahan kerusi parlimen yang memerlukan sokongan majoriti 2/3 , namun ia juga boleh dilakukan dengan mengubah kawasan sempadan parlimen yang sedia ada dengan hanya sokongan majoriti mudah.
- Kaedah 'Gerrymandering' atau manipulasi persempadanan semula kawasan pilihan raya melalui metode *cracking and packing* (pecah dan sumbat) dijangka digunakan sebagai senjata mempertahankan status quo demi kekal berkuasa di Putrajaya pada PRU16.
- Adalah dijangkakan PH akan menambah lebih banyak kerusi, menjadikan kedudukan mereka akan lebih selesa, terutamanya kedudukan mereka di kerusi-kerusi bandar.
- Akibat dari kemungkinan persempadanan yang berpandukan manifesto PH ini akan melebarkan jurang perpaduan dan juga ekonomi antara kaum. Penduduk bandar yang majoritinya adalah kaum Cina dan kaum Melayu di luar bandar akan ketinggalan dalam banyak perkara seperti teknologi dan kemudahan fasiliti.
- Selain itu agihan peruntukan dan pembangunan lebih tertumpu di kawasan bandar-bandar utama yang padat penduduk. Limpahan ekonomi ke kawasan luar bandar dijangka tidak berlaku. Maka disinilah kebijaksanaan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) diperlukan bagi mengharmonikan perpaduan dan kemajuan kaum di Malaysia.

RUJUKAN

- https://www.spr.gov.my/sites/default/files/statistik-pertambahan-bilangan-bahagian-pilihanraya.pdf

- https://pru.sinarharian.com.my/info-berita/14485/ada-potensi-tambahan-sehingga-70-kerusi-baharu
- https://www.sabahgazette.com/sabah-yakin-dapat-37-kerusi-untuk-suara-lebih-besar-di-parlimen/

Strategi Pelaburan Domestik Malaysia

- Kerajaan telah menyatakan komitmen untuk fokus kepada pelaburan langsung domestik (DDI) sebanyak RM120 billion dalam tempoh 5 tahun akan datang. Ia merangkumi hampir 7% daripada gabungan aset di bawah pengurusan (AUM) bernilai lebih RM1.8 trilion.
- Dibawah program GEAR-uP, 6 GLIC seperti Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP], Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji (TH), and Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) menyatakan komitmen untuk melabur sebanyak RM24 bilion setahun dalam DDI, tambahan kepada RM440 bilion dalam pelaburan pasaran awam.
- Pelaburan ini terutamanya tertumpu kepada industri berpotensi tinggi seperti sektor transisi tenaga, pembuatan canggih termasuk dalam bidang semikonduktor, dan juga pelaburan dalam keseluruhan kitar hidup syarikat daripada permulaan, modal teroka hingga syarikat bersaiz sederhana.
- Berikut adalah jumlah dana yang diuruskan oleh GLIC. Daripada jumlah ini KWSP adalah pengurus dana yang paling besar.

Funds Managed by GLICs

Fund	Size (RM$ billion)	% of total
EPF	1140	62.1
KWAP	170	9.3
PNB	300	16.3
Khazanah	126	6.9
Tabung Haji	89	4.8
LTAT	12	0.7
Total	**1837**	**100**

Source: Latest available figures from press and annual reports

- Professor Jomo Kwame Sundaram mengatakan bahawa pelaburan domestik adalah penunjuk kesihatan ekonomi yang lebih baik.
- Professor Geoffrey Williams, seorang ahli ekonomi bagaimanapun mengingatkan beberapa risiko yang mungkin muncul daripada peruntukan sejumlah besar DDI. Beliau menyatakan kebimbangan bahawa pengagihan semula dana ini mungkin membawa kepada pengalihan sumber daripada kawasan pelaburan lain yang mantap dan menguntungkan. Selain itu, beliau juga memberi amaran bahawa dana itu mungkin digunakan untuk projek 'patronage' bersifat memenuhi keuntungan politik pihak tertentu dan bukannya peluang pelaburan yang tulen.
- Tambahan pula, jumlah itu mungkin terlalu kecil untuk memberi kesan kepada pelaburan dengan ketara tetapi cukup besar untuk menghalang *(crowding out)* pelaburan swasta. Selain itu, beliau mengingatkan risiko yang signifikan seperti pembaziran, ketirisan, dan rasuah yang sering mengiringi pergerakan kewangan berskala besar.
- Berikut adalah jadual yang menunjukkan fokus setiap GLIC dalam program GEAR-uP:

GLIC	**Fokus**
Khazanah Nasional Bhd	Melaksanakan strategi pelaburan Malaysia yang berpusat pada kerangka 'A Nation That Creates' untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Kawasan tumpuan termasuk mengubah syarikat untuk membangunkan nilai, transisi tenaga, digitalisasi, pembangunan kapasiti dan peningkatan kemahiran, serta memimpin usaha untuk meningkatkan ketersambungan Malaysia melalui portfolio penerbangan. Khazanah akan memastikan ketahanan ekosistem semikonduktor, memupuk pertumbuhan

	syarikat peringkat pertengahan dan melabur dalam ekosistem modal teroka, di samping inisiatif lain yang direncanakan untuk menyokong GEAR-uP.
Kumpulan Wang Persaraan	Memperkasa pasaran swasta Malaysia melalui ekuiti persendirian, infrastruktur, dan hartanah, dengan tumpuan kepada menyediakan dana pemangkin untuk modal teroka dan firma peringkat pertumbuhan melalui Dana Perintis dan Dana Pemacu. KWAP telah mengenal pasti lapan sektor, termasuk antara lain keselamatan makanan, ekonomi digital, transisi tenaga dan pembuatan canggih.
Permodalan Nasional Berhad	Memodenkan industri dan korporat Malaysia ke arah aktiviti yang mempunyai nilai tambah lebih tinggi dan lestari, dengan fokus khusus kepada pelaburan di taman industri baru, menyokong automasi dan pertanian pintar dalam kelapa sawit, serta aset transisi hijau dan tenaga. PNB juga komited untuk memberdaya dan memajukan komuniti Bumiputera, termasuk program untuk memupuk generasi usahawan dan pemimpin korporat Bumiputera; serta meningkatkan keselamatan kewangan dan literasi orang muda.
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Menumpukan kepada memajukan masyarakat tua yang bermaruah dan makmur, melibatkan pelaburan dalam penjagaan kesihatan yang lestari dan berdaya maju secara komersial dengan Kerajaan, termasuk membina satu bahagian swasta di hospital awam sejajar dengan agenda Transformasi Kesihatan. Selaras dengan mandat ini, KWSP akan terus mengukuhkan perlindungan sosial dan reformasi pencen, dengan

	menekankan keselamatan pendapatan usia tua untuk semua rakyat Malaysia.
Lembaga Tabung Haji	Memperluas peranan bank-bank Islam termasuk memperkukuh kesan sosial yang mampan melalui instrumen kewangan Islam untuk pengagihan yang lebih lancar kepada orang miskin; dan memperkukuh sistem kewangan Islam melalui kerjasama strategik dengan institusi kewangan utama dan pemain pasaran yang lain.
Lembaga Tabung Angkatan Tentera	eningkatkan penciptaan nilai farmaseutikal di Malaysia dengan memperkukuh kapasiti untuk menghasilkan produk bioperubatan tempatan. Seterusnya, LTAT tetap komited untuk meningkatkan kesejahteraan sosial Angkatan Tentera Malaysia dengan menyokong ekosistem peralihan untuk veteran beralih ke kerjaya kedua.

RUJUKAN

- https://www.mof.gov.my/portal/en/news/press-release/ekonomi-madani-rm120-billion-domestic-direct-investment-boost-from-glics-under-mof-led-programme
- https://www.malaysiakini.com/columns/715352
- https://www.nst.com.my/business/corporate/2024/08/1088833/glics-commit-rm120-billion-domestic-investment

Perkasa KIAR di Pusat Pendidikan TVET

- Bernama melaporkan pada Selasa, 13 Ogos 2024, seramai 250 pelajar dan tenaga pengajar daripada pelbagai institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) telah menyertai Program Eksplorasi Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- Menurut Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM Nazli Rasyid Sulong, KIAR TVET dijangka mampu memberikan nilai tambah kepada objektif Dasar TVET Negara 2030 dalam usaha melahirkan modal insan berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri yang berintegriti tinggi serta antirasuah.
- Tambah beliau lagi, komuniti TVET sememangnya mempunyai peranan penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Justeru, SPRM telah mengambil langkah proaktif menyediakan tenaga pengajar Latihan Jurulatih dan tenaga pensyarah bagi 10 sub modul di bawah kursus ini.
- Terdahulu, SPRM dalam kenyataan memaklumkan kerajaan bersetuju menjadikan modul KIAR sebagai mata pelajaran wajib di semua institusi TVET menerusi mesyuarat Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada 20 Mei lepas.
- SPRM telah mengambil langkah awal dengan memperkenalkan projek rintis KIAR di institusi TVET di Institut Latihan Teknik dan Perdagangan, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM) Negeri Sabah pada 2021.
- KIAR turut diperkenalkan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur dan Melaka di bawah Kementerian Sumber Manusia pada Jun 2023 dan di 22 institut latihan di bawah kendalian Kementerian Belia dan Sukan bermula Ogos tahun yang sama.

- Mengulas lanjut mengenai isu rasuah di negara ini, Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) Tan Sri Dr Ismail Bakar pada ahad lalu berkata, orang ramai diseru untuk menjiwai makna merdeka sempena Hari Kebangsaan ke-67 tahun ini dengan berani, menentang amalan salah laku dan rasuah demi menjulang martabat bangsa dan negara.

- Tambah beliau, peranan pusat-pusat pendidikan amat penting dalam memberikan pengetahuan dan pendedahan mengenai integriti dalam bekerja. Selain itu, didikan ibu bapa kepada anak-anak mengenai integriti, hormat menghormati, akhlak, moral, semuanya perlu dipupuk sejak awal lagi.

- Sementara itu, ahli Institut Integriti Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, Rasuah adalah penyakit masyarakat yang merentasi etnik dan harus ditangani secara kolektif. Orang ramai juga tidak boleh mengaitkan isu rasuah berdasarkan kepada isu agama atau kaum bagi mengelakkan isu streotaip dan menghalang usaha untuk menangani punca rasuah.

- Justeru, beliau cenderung kepada mengajak semua pihak meluaskan kerjasama dengan melibatkan masyarakat sivil, institusi-institusi pendidikan, media dan individu dalam memerangi rasuah. Malaysia perlu memperkasa rakyatnya untuk menuntut akauntabiliti dan menyumbang kepada usaha melahirkan masyarakat yang lebih telus dan bertanggungjawab.

RUJUKAN

- 250 pelajar, tenaga pengajar TVET didedahkan kepada KIAR, https://www.bernama.com/bm/am/news.php/news.php?id=2328724
- Rasuah Penyakit Masyarakat Yang Merentasi Etnik, Harus Ditangani Secara Kolektif - Lee Lam Thye, https://www.bernama.com/bm/am/news.php/news.php?id=2327940
- Jiwa Merdeka: Jangan Bacul Lapor Salah Laku Dan Rasuah, https://www.bernama.com/bm/am/news.php/news.php?id=2327897

Industri Getah Perlu Suntikan Untuk Berdaya Saing

- Pasaran getah tempatan dijangka akan diniagakan dalam julat terhad minggu depan dengan potensi turun naik yang tercetus susulan gangguan bekalan disebabkan perubahan cuaca.
- Ini berikutan pengimport utama pasaran getah, Thailand mula mengalami La Nina dan amaran berlakunya banjir kilat di wilayah utama penanaman getah telah dikeluarkan negara berkenaan. Keadaan hujan lebat berterusan sekaligus akan menjejaskan pengeluaran getah seterusnya akan menyebabkan gangguan bekalan getah.
- Pertubuhan Pengilang Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA) juga menjangkakan pasaran getah akan berlaku pengurangan bagi minggu-minggu terdekat berikutan isyarat bercampur-campur daripada pasaran niaga hadapan getah serantau.
- Sentimen pasaran ini terjejas disebabkan tarif baharu Kesatuan Eropah terhadap China dan selepas Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) mengekalkan kadar faedah. Sentimen global juga terjejas disebabkan permintaan lemah yang berterusan terutamanya dari China dan ketidaktentuan mengenai dasar monetari AS.
- Pun begitu, harga pasaran getah negara mencatat peningkatan dengan harga Getah Mutu Malaysia 20 (SMR 20) naik 11.5 sen kepada 784.0 sen sekilogram, manakala lateks pukal menokok satu sen kepada 627.0 sen sekilogram.
- Pengeluaran getah asli Malaysia yang juga mencatatkan peningkatan 16.8% kepada 29,914 tan metrik pada Jun daripada 25,867 tan metrik pada bulan sebelumnya sekaligus menunjukkan industri getah negara masih mempunyai ruang untuk berdaya saing dengan negara serantau.

- Peningkatan terhadap pengeluaran dan eksport secara besar-besaran perlu menjadi keutamaan kerajaan, apatah lagi negara mengeluarkan getah kering sekerap sebanyak 362,000 tan sahaja, sedangkan permintaan eksport getah kering negara sebenarnya berjumlah hampir 1 juta tan.
- Antara langkah yang boleh dibuat termasuklah meluaskan tanah rancangan sedia ada, menghasilkan klon-klon keberhasilan tinggi dan berdaya tahan, teknik torehan yang lebih produktif, prosedur pemulihan kawalan penyakit pokok getah seperti pestalotiopsis, bahan perangsang lateks seperti stimulan RRIM Hydrobest dan lain-lain.

RUJUKAN

- https://berita.rtm.gov.my/ekonomi/senarai-berita-ekonomi/senarai-artikel/pasaran-getah-malaysia-dijangka-diniaga-dalam-julat-terhad-minggu-depan
- https://www.sinarharian.com.my/article/679850/berita/nasional/pengeluaran-getah-asli-malaysia-meningkat
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/26/import-getah-demi-tampung-permintaan-industri-kata-fadillah/

Risiko Gempa Bumi Mega Jepun

- Setelah seminggu gegaran besar melanda di dasar laut Palung Nankai berukuran 7.1 magnitud di barat daya Jepun, kerajaan menamatkan nasihat risiko gempa bumi dengan magnitud yang lebih tinggi daripada biasa. Gegaran yang melanda wilayah Miyazaki telah mencederakan sekurang-kurangnya 16 orang dan mengakibatkan tsunami kecil terbentuk setinggi 50 cm.

- Nasihat itu pada awalnya dikeluarkan memandangkan titik gegaran berlaku di zon sesaran besar di bawah Palung Nankai (Nankai Trough) yang berpotensi mengubah taburan tekanan di sepanjang zon sesar, justeru boleh menyebabkan gegaran dengan magnitud 8 atau lebih.

- Perdana Menteri, Fumio Kishida telah membatalkan lawatan diplomatik ke Asia Tengah dan Mongolia pada hujung minggu untuk mengutamakan pengurusan bencana. Central Japan Railway juga mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengurangkan kelajuan kereta api berhampiran kawasan pantai.



- Kemungkinan untuk gegaran dengan magnitud 8 atau 9 berlaku di Palung Nankai dalam tempoh 30 tahun akan datang adalah setinggi 70 hingga 80 peratus. Amaran baru-baru ini merupakan kedua tertinggi sejak protokol berkenaan mula diperkenalkan pada tahun 2017. Protokol ini diaktifkan apabila berlaku gegaran pada atau berdekatan Palung Nankai dengan magnitud 6.8 atau lebih.

- Palung Nankai menandakan di mana plat Filipina meluncur ke bawah plat Eurasian, membentuk satu zon sesar yang besar dan merupakan lokasi terjadi gempa bumi bermagnitud 8 atau lebih pada setiap 100 hingga 150 tahun. Gempa bumi yang terbaru dengan kekuatan sebegitu direkodkan pada tahun 1946.
- Fenomena di mana sesebuah gempa mencetuskan gempa yang lebih besar tidak lama selepas itu bukanlah jarang berlaku. Secara purata, terdapat 5 peratus kemungkinan satu-satu gempa akan diikuti dengan gempa yang lebih kuat dalam tempoh seminggu, menurut United States Geological Survey.
- Terletak di atas empat plat tektonik utama, Jepun antara negara dengan risiko gempa tertinggi di dunia, sekitar 1,500 gempa setiap tahun dengan kebanyakan daripadanya ialah gegaran kecil.
- Pada tahun 1707, kesemua segmen Palung Nankai bergegar sekali gus, menyebabkan gempa yang kedua paling kuat negara itu pernah mencatatkan. Malah, ia turut mencetuskan letusan terakhir Gunung Fuji.
- Lebih 15,000 orang mati semasa gempa bumi magnitud 9 pada tahun 2011 yang turut diserta dengan tsunami. Bencana tersebut juga memusnahkan loji tenaga nuklear di timur laut Jepun.


RUJUKAN

- https://www.aljazeera.com/news/2024/8/15/japan-lifts-megaquake-warning-tells-people-to-go-back-to-normal
- https://www.astroawani.com/berita-dunia/jepun-tamatkan-amaran-gempa-bumi-mega-483647
- https://www.sciencenews.org/article/japan-issued-mega-earthquake-alert

Larangan Komik Superman Hew Dibatalkan

- Mengejutkan apabila Menteri Dalam Negeri (KDN) membatalkan Perintah Larangan terhadap penerbitan komik bertajuk 'Inisiatif Jalur dan Jalan Meraih Manfaat Bersama' yang ditulis oleh Hew Kuan Yau atau dikenali sebagai Superman Hew.

- Sebelum ini, KDN telah mewartakan perintah larangan terhadap komik tersebut pada 2019 atas alasan mempromosi ideologi komunisme, sosialisme dan menyebarkan fakta yang salah. Perintah pengharaman tersebut berkuat kuasa bagi komik dalam ketiga-tiga bahasa.



- Pada April 2021, Hew Kuan Yau telah membuat semakan kehakiman untuk mencabar pengharaman yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri terhadap komik tersebut. Walaubagaimanapun, permohonan tersebut ditolak oleh Hakim Datuk Noorin Badaruddin.

- Mahkamah menegaskan bahawa keputusan Menteri KDN ketika itu adalah sah disisi undang-undang, munasabah dan Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (PPPA) berpelembagaan. KDN berhak melarang apa-apa penerbitan jika bahan terbitan tersebut memudaratkan ketenteraman awam,


menggugat keselamatan moral, kepentingan awam, kepentingan negara dan mengelirukan pendapat awam.

- Awal Disember 2023, Superman Hew telah memfailkan menuntut ganti rugi RM1.05 juta akibat perintah larangan serta rampasan komik tersebut pada 2019. Permohonan semakan kehakiman tersebut difailkan terhadap kerajaan, KDN dan Jabatan Peguam Negara.
- Komik tersebut mendapat perhatian awam apabila dipercayai diedarkan di beberapa sekolah jenis kebangsaan secara percuma. Antara kontoversi yang dibangkitkan terhadap komik tersebut adalah pengagungan Chin Peng dan memberi bayangan bahawa orang Islam iaitu penduduk Uighur menyokong aktiviti keganasan di China.
- Selain itu komik tersebut juga tidak sesuai disebarkan kepada murid-murid sekolah kerana ia mengandungi unsur-unsur komunusime yang mampu mengelirukan pemahaman generasi cilik negara. Kita jangan lupa antara kaedah penyebaran fahaman komunis di Tanah Melayu pada tahun 1923 adalah melalui penyebaran dakyah di sekolah kebangsaan cina serta gerakan parti atau pertubuhan pro-komunis.
- Kerajaan didesak untuk menyemak semula keputusan pembatan Perintah Larangan terhadap komik tersebut bagi menjamin keharmonian awam. Kemerdekaan yang diperolehi perlu dihayati dengan semangat patriotisme dan menghargai jasa pejuang-pejuang negara yang bersusah payah berjuang demi negara.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1284175/kdn-tarik-balik-larangan-penerbitan-komik-ditulis-bekas-ahli-dap
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/12/07/govt-must-pay-rm51000-to-superman-hew-over-2019-book-ban/

- https://www.kosmo.com.my/2021/04/26/komik-kontroversi-bri-superman-hew-kekal-diharamkan/
- https://pustakailmu.arkib.gov.my/index.php/ms/pustaka-ilmu/jendela-sejarah/gerakan-komunis-di-tanah-melayu



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**